

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Tambahan
Sidang Akademik 1991/1992

Jun 1992

JSD 112 - Pengantar Pengajian Pembangunan

Masa: [3 jam]

ARAHAN

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab TIGA soalan. Jika calon menjawab lebih daripada tiga soalan hanya tiga soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.
3. Jawab soalan no. 1 (SOALAN WAJIB) daripada Bahagian A dan mana-mana DUA soalan daripada Bahagian B. Bahagian A diperuntukkan 40 markah dan Bahagian B diperuntukkan 60 markah.

...2/-

BAHAGIAN A (40 markah)

1. Pilih dan huraikan **LIMA** perkara berikut:
- (a) Dialog Utara-Selatan. (8 markah)
 - (b) Konflik Timur-Barat. (8 markah)
 - (c) OPEC. (8 markah)
 - (d) Sistem Feudalisme. (8 markah)
 - (e) Kartel. (8 markah)
 - (f) Pandangan Eurocentrik. (8 markah)

BAHAGIAN B (60 markah)

Jawab **DUA** soalan daripada Bahagian ini.

2. Walaupun sistem kolonialisme telah berakhir, namun pada hakikatnya unsur-unsur "kolonialisme" di negara Dunia Ketiga semakin diperhebatkan. Bincangkan.
(30 markah)
3. Sejauh manakah anda bersetuju bahawa pembangunan di sesebuah negara itu hanya dapat dilaksanakan melalui gabungan pelbagai sistem ekonomi termasuk kapitalisme, sosialisme dan Islam?
(30 markah)
4. Sejauh manakah kemunduran negara Dunia Ketiga berpunca daripada proses pergantungan terhadap Dunia Barat? Bincangkan.
(30 markah)
5. Sejauh manakah anda bersetuju bahawa isu ketenteraan dan persenjataan begitu penting dalam kajian pembangunan dan kemunduran di negara-negara Dunia Ketiga? Bincangkan.
(30 markah)